

TUNTUTAN KESAMAAN GENDER

Pinda Perlembagaan Persekutuan untuk membenarkan golongan wanita untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara.

- Perlembagaan Persekutuan mendiskriminasi berasaskan gender, walaupun Perkara 8(2) melarangnya.
- Perkara 14 dan Jadual yang berkaitannya menghadkan hak ibu-ibu warganegara Malaysia untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang bagi anak-anak mereka yang lahir di luar negara. Sebaliknya, ibu-ibu warganegara Malaysia mesti menggunakan prosedur di bawah Perkara 15(2) untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan anak-anak mereka melalui pendaftaran, satu proses yang panjang dan sukar.

KAJIAN-KAJIAN KES – Realiti Hidup Wanita-wanita Warganegara Malaysia

Kajian Kes 1: Tina – Keluarga terpisah dan anak tidak mempunyai kerakyatan

Tina adalah seorang wanita warganegara Malaysia yang mengahwini seorang pelarian Sri Lanka dan menetap di Perancis. Anak lelaki pertamanya lahir pada tahun 2016 di Perancis. Tina memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anak lelakinya menerusi Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan dan, enam bulan daripada tarikh permohonan, permohonannya diterima. Proses tersebut dipercepatkan kerana Tina terpaksa pulang ke Malaysia dengan anak lelakinya untuk menjaga bapanya yang semakin tua dan juga sakit.

Pada tahun 2018, Tina melahirkan anak lelaki kedua di Perancis dan sekali lagi memohon kewarganegaraan Malaysia menerusi Perkara 15(2). Oleh kerana dia telah pulang ke Malaysia untuk menjaga bapanya yang sangat uzur ketika itu, dia menerima dokumen perjalanan kecemasan daripada Kedutaan Malaysia di Paris untuk membolehkan anak lelaki keduanya terbang bersamanya ke Malaysia. Bagaimanapun, anak lelakinya tidak diberikan kewarganegaraan di Malaysia dan oleh itu tidak dapat keluar dari Malaysia untuk pulang ke Perancis. Tina kini terpisah daripada suami dan anak lelaki sulungnya, dan anak lelaki keduanya ketika ini adalah tanpa kerakyatan, kerana tiada pilihan baginya untuk mendapatkan kewarganegaraan disebabkan status pelarian bapanya.

Kajian Kes 2: Sofia – Anak yang lahir di luar negara dinafikan hak untuk menjadi warganegara Malaysia

Sofia adalah seorang wanita warganegara Malaysia yang bekerja di sebuah syarikat multinasional dan telah menerima tugas antarabangsa di Filipina. Sewaktu bertugas di sana, dia menghadapi kelahiran awal dan melahirkan anak lelakinya di Filipina.

Sofia melawat kedutaan Malaysia di Filipina dalam masa sebulan kelahiran anaknya untuk mendaftarkan kewarganegaraan anaknya. Dia kecewa apabila diberitahu bahawa anaknya tidak akan diberi kewarganegaraan 'secara kuat kuasa undang-undang' dan dia perlu memohon kewarganegaraan menerusi Perkara 15(2). Permohonan telah dilakukan pada November 2017 dan sehingga sekarang masih belum ada sebarang berita.

Sofia ketika ini menetap di Malaysia dengan anaknya yang menggunakan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek. Sofia tiada pilihan selain daripada mendapatkan anaknya pasport menggunakan kewarganegaraan bapa, walaupun dia mahukan anaknya dibesarkan sebagai warganegara Malaysia.

Kajian Kes 3: Lina – Gadis yang lahir di luar negara terpaksa mendapatkan kewarganegaraan asing sementara abang dan adik-adik lelakinya adalah warganegara Malaysia

Lina adalah seorang wanita warganegara Malaysia yang mengahwini seorang lelaki Yaman. Ketika Lina mengandung anak yang kedua (seorang perempuan), mereka sekeluarga melawat Yaman dan sepatutnya pulang ke Malaysia untuk melahirkan anak itu. Bagaimanapun, anak lelakinya jatuh sakit semasa lawatan itu dan tidak sihat untuk perjalanan.

Apabila Lina menghubungi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Jeddah, dia telah salah diberitahu bahawa anak perempuannya akan diberikan kewarganegaraan tanpa masalah apabila selesai mengisikan beberapa borang selepas kelahirannya. Setelah anaknya dilahirkan, Lina melawat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia sekali lagi dan terkejut mendengar bahawa anak perempuannya terpaksa menggunakan kerakyatan bapanya, dan untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia, Lina terpaksa membuat permohonan di Putrajaya.

Lina kemudiannya memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anak perempuannya menerusi Perkara 15(2) pada tahun 2015; permohonan ini ditolak 2.5 tahun kemudian tanpa sebarang alasan. Lina serta-merta menghantar semula permohonan, yang kini masih dalam proses. Ketiga-tiga anak lelaki Tina yang lahir di Malaysia adalah warganegara Malaysia.

Kajian Kes 4: Sara – Anak dinafikan kewarganegaraan dan tidak dapat menyertai pertandingan sukan

Sara adalah seorang warganegara Malaysia yang mengahwini seorang lelaki British. Dia mempunyai seorang anak lelaki yang lahir di United Kingdom dan memegang kewarganegaraan British. Sara dan keluarganya telah tinggal di Malaysia selama empat tahun. Sara mula memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anak lelakinya pada tahun 2014, dan empat tahun kemudian permohonannya ditolak tanpa sebarang alasan. Pada tahun 2018, Sara menghantar satu lagi permohonan, yang ketika ini masih dalam proses. Sara juga menghantar permohonan bagi Pemastautin Tetap bagi anak lelakinya pada tahun 2014, tetapi permohonan ini masih dalam proses lima tahun kemudiannya.

Anak lelaki Sara cemerlang dalam sukan dan telah terpilih untuk mewakili sekolahnya dalam pertandingan renang; malangnya penyertaannya ditolak kerana dia bukan warganegara Malaysia. Anaknyanya, juga tidak dibenarkan untuk mewakili sekolah dalam pertandingan-pertandingan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan (MSSWP).

Kajian Kes 5: Anna – Ibu tunggal tidak dapat pulang ke Malaysia bersama anak perempuannya

Anna adalah seorang wanita warganegara Malaysia yang mengahwini seorang lelaki China dan menetap di Itali. Anak perempuan Anna lahir di Itali dan memegang kewarganegaraan China. Perkahwinan Anna tidak stabil, dan dia membesarkan anak perempuannya sebagai ibu tunggal di Itali.

Anna berniat untuk pulang ke Malaysia untuk membesarkan anak perempuannya dengan bantuan keluarganya. Bagaimanapun, dia keberatan untuk memfailkan perceraian kerana ini mungkin menimbulkan masalah dari segi hak jagaan kerana Itali adalah negara Katolik, dan oleh itu jagaan penuh oleh seorang ibu adalah tidak mungkin.

Anna memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anak perempuannya dua tahun lalu, tetapi masih belum ada berita terkini. Kedua-dua mereka memegang visa Itali dengan tarikh tamat dan akan mempunyai masalah untuk memasuki semula Itali selepas itu oleh kerana perkahwinan yang tidak stabil.

Kajian Kes 6: Rumi – Ibu tidak dapat mendapatkan kewarganegaraan anaknya dan tidak dapat terus bekerja

Rumi adalah seorang wanita warganegara Malaysia yang mengahwini seorang lelaki Belanda. Rumi melahirkan anak perempuannya di Barcelona ketika keluarganya tinggal di sana disebabkan pekerjaan suaminya. Rumi sedar mengenai undang-undang kewarganegaraan Malaysia dan telah membuat persiapan untuk pulang ke Malaysia pada minggu ke-34 kehamilan untuk melahirkan anaknya. Tetapi, Rumi kemudiannya mengalami kontraksi yang teruk dan terpaksa berehat, dan akhirnya melahirkan anak perempuannya pada minggu ke-33.

Rumi serta-merta menghubungi kedutaan Malaysia dan meminta dokumen perjalanan sementara bagi anak perempuannya supaya dia dapat pulang ke Malaysia bagi memohon kewarganegaraan. Bagaimanapun, dia diberitahu bahawa dia tidak akan diberikan dokumen-dokumen itu dan pilihan yang ada cumalah untuk anak itu menerima kewarganegaraan Belanda bapanya. Rumi terus memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anak perempuannya menerusi kedutaan Malaysia.

Rumi kemudiannya terbang ke Malaysia bersama anak perempuannya (yang tiada pilihan selain daripada untuk terbang menggunakan pasport Belanda) dan melawat JPN Putrajaya untuk menyemak status permohonan. Dia diberitahu bahawa permohonan tersebut telah hilang ketika ia dipindahkan antara JPN dan KDN di Putrajaya. Rumi memohon semuladi JPN pada hari yang sama dan dimaklumkan permohonannya ditolak 16 bulan kemudian. Rumi melakukan permohonan buat kali ketiga dan ketika ini menunggu keputusannya.

Rumi adalah seorang doktor haiwan yang mempunyai praktis veterinar di Malaysia. Walaupun seorang yang profesional, dia tidak dapat mempraktikkan kepakarannya di Malaysia kerana tidak dapat mendapat kewarganegaraan untuk anak perempuannya.

TINDAKAN MESTI DIAMBIL SEKARANG SUPAYA MALAYSIA TIDAK KETINGGALAN.

Ketiadaan kesaksamaan gender dalam undang-undang kewarganegaraan Malaysia mengakibatkan Malaysia menjadi salah satu daripada 25 negara di dunia yang menafikan hak wanita untuk mendapatkan taraf kerakyatan bagi anak-anak mereka sama seperti lelaki.

Email: foreignspouses@gmail.com

Phone Number: 016- 310 1972

Address: c/o D-3-33, Block D, 8 Avenue, Jalan Sungai
Jernih 8/1, Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

